

BERITA ONLINE

BERITA RTM

TARIKH: 8 NOVEMBER 2022



## Persidangan Antarabangsa Foodi 2022, ketengah bakat tempatan

November 7, 2022 Written by Media Baharu Published in Semasa


Tweet

0  
 Like  
 Share

Hits: 60

Print

Email



*KUALA LUMPUR, 7 November* - Isu integriti makanan, sekuriti makanan dan halangan kepada inovasi menjadi tunjang kepada program Persidangan Antarabangsa Foodi 2022.

**KUALA LUMPUR, 7 November** - Isu integriti makanan, sekuriti makanan dan halangan kepada inovasi menjadi tunjang kepada program Persidangan Antarabangsa Foodi 2022.

Program ini bertujuan memberi impak kepada industri pemprosesan makanan bagi mewujudkan transformasi pelbagai perspektif dalam industri pemprosesan makanan serantau.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Teknologi) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Ts. Dr. Mohd Nor Azman Hassan

menjelaskan usaha ini akan memberikan banyak peluang pekerjaan dan peluang ekonomi yang menggunakan teknologi di Malaysia.

"Peluang seperti ini akan menghasilkan kerjasama dengan rakan-rakan daripada peringkat antarabangsa dan industri.

Ia amat penting bagi negara serta membolehkan kerajaan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk mengetengahkan bakat-bakat tempatan dalam bidang teknologi tinggi seiring memacu negara ke arah negara berteknologi tinggi menjelang tahun 2030 di bawah Dasar Sains Teknologi dan Inovasi Negara 2021-2030 (DSTIN)," kata Dr. Mohd Nor kepada RTM di ibu negara.

Persidangan melibatkan 16 rakan kongsi dari beberapa negara Eropah dan Asia, program yang berlangsung selama tiga hari bermula hari ini, dibiayai bersama European Region Action Scheme for the Mobility of University Students (ERASMUS).